

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



Debaran Host
**Malam Kemuncak
GMWA 2024**



AMELIA HENDERSON, SEAN LEE, SHERRY AL-HADAD

Hos utama Gempak Most Wanted Awards 2024 (GMWA24), Amelia Henderson, Sean Lee dan Sherry Alhadad bersedia menggegarkan pentas dengan persiapan rapi bagi memastikan acara tahun ini lebih hebat dan berprestij. Menurut Amelia, mereka bertiga menjalani sesi khas bersama Datuk Aznil Nawawi untuk memperhalusi teknik pengacaraan dan memastikan persembahan terbaik di malam kemuncak.

"Kami ada sesi bersama dengan Pak Nil. Sebenarnya, kami berharap dapat banyak sesi dengan beliau, tetapi jadualnya sangat padat.

"Tapi kami bersyukur kerana masih dapat meluangkan sedikit masa bersamanya. Ilmu dan perkongsian yang diberikan kepada kami sangat berharga untuk menambah baik teknik pengacaraan kami di pentas GMWA," katanya.

Kejutan istimewa Sean Lee!

Berkongsi keterujaan yang sama, Sean Lee mengakui tidak sabar untuk tampil di pentas GMWA24 dan menjanjikan kejutan khas buat peminat setia.

"Semestinya kami akan berikan yang terbaik buat peminat GMW dan tahun ini kami akan bawakan kejutan yang ada kena mengena dengan trend tahun lepas.

"Anda semua juga tidak boleh terlepas kejutan 'Flex Your Art' yang akan dibawakan oleh kami bertiga," ujarnya.

Sean juga menyatakan bahawa tema GMWA tahun ini sangat berbeza dengan penambahan kategori baru yang memberikan lebih banyak peluang kepada pencipta kandungan digital untuk diiktiraf.

"Bagi saya perbezaan paling ketara adalah tema, kerana ia lain daripada yang lain. Dan saya rasa penambahan kategori pada tahun ini juga dilihat dapat memberi peluang kepada lebih banyak konten untuk diketengahkan dan diraikan dalam acara ini," jelasnya.



"Platform terbaik raikan selebriti & pempengaruh

Bagi Sherry Alhadad, kembali sebagai hos GMWA buat tahun kedua adalah sesuatu yang sangat istimewa.

"Ini kali kedua saya bersama keluarga GMWA, sudah semestinya saya sangat teruja sebab ini merupakan satu platform yang sangat baik antara selebriti dan pempengaruh.


"Selain daripada persembahan-persembahan hebat pada malam itu, ini juga merupakan satu peluang untuk kita kenal mereka daripada sosial media selain daripada Khairul Aming dan Che Minah Sayang.

"Apa yang buat saya lebih teruja adalah pentas ini bukan saja meraikan selebriti, tetapi juga pempengaruh di Malaysia," katanya.

Barisan Persembahan Mantap!

Mengangkat tema 'Flex Your Art', malam kemuncak Gempak Most Wanted Awards 2024 bakal menampilkan persembahan daripada Hujan, Ernie Zakri, Nadeera Zaini, Hael Husaini, Diskoria dan Datuk Sheila Majid.

Malam kemuncak Gempak Most Wanted Awards bakal berlangsung secara LIVE pada 23 Februari 2025 dari Auditorium MBSA Shah Alam, eksklusif di saluran Astro Ria (104), On Demand, Astro GO dan sooka. - ASYRAF ROSLAN



Surprise GMWA2024: Comeback Krisya, SOG & Ratu Jazz Negara

Mengangkat tema 'Flex Your Art' dengan dress code Artwear, acara ini bukan sahaja meraikan selebriti dan pempengaruh, tetapi juga menjadi platform untuk menampilkan ekspresi seni melalui fesyen.

Bersedia untuk malam yang luar biasa?

Comeback Krisya

Penantian berakhir! Teaser pertama filem Keluang Man akan ditayangkan secara eksklusif di GMWA2024. Lebih menarik, Krisya bakal membuat kemunculan semula dengan menyanyikan runut bungi rasmi Keluang Man!

SOG pun ada

Sekumpulan Orang Gila (SOG) juga bakal menghangatkan malam anugerah ini dengan persembahan bertenaga mereka. Lagu apa yang bakal mereka bawakan? Sama-sama nantikan!

Flex Your Art

Tema 'Flex Your Art' memberi ruang untuk tetamu menonjolkan kreativiti fesyen masing-masing di malam anugerah ini. Namun, semua diingatkan untuk mematuhi etika pemakaian yang telah ditetapkan bagi memastikan acara berjalan lancar dan penuh profesionalisme. Kerjasama anda amat dihargai!

Ratu Jazz Negara

Malam kemuncak GMWA2024 turut menampilkan tiga nama besar yang bakal memukau pentas – Hujan, Diskoria, dan Ratu Jazz Negara, Datuk Sheila Majid!


Bersedia untuk malam penuh gempak? Jangan lupa saksikan GMWA2024!

Bintang Pujaan Kahwin, Majlis ‘Sederhana’ Tapi Mempesona

Jodoh tidak pernah salah alamat dan tiba waktunya, pastu bersatu di jenjang pelamin. Itulah episod bersejarah yang dilalui oleh empat selebriti popular yang mengakhiri zaman bujang dan dara mereka dengan ikatan pernikahan.

Ucapan tahniah masih belum terlambat diberikan kepada pasangan pengantin baharu Syafiq Kyle - Mimi Lana, Siti Saleha - Joshua Fitton dan Fikry Ibrahim - Khalizah Alihan.

Paling menggagmit perhatian adalah meski Syafiq, Mimi Lana, Fikry Ibrahim dan Siti Saleha popular, mereka melaksanakan majlis pernikahan dan resepsi dengan sangat sederhana ; jauh daripada suasana gah dan hanya dikelilingi keluarga serta sahabat terdekat.



Syafiq Klye - Mimi Lana

Jauh daripada glamor, pernikahan Syafiq Kyle dengan pelakon Mimi Lana dilaksanakan serba sederhana tapi mempesona pada 14 Februari 2025.

Pasangan ini juga melangsungkan majlis yang bermakna ini jauh di Taiping, Perak. Syafiq dan Mimie menawan dalam busana rona putih. Dikelilingi keluarga terdekat dan sahabat handai, penyatuan dua jiwa ini diraikan dengan bunga api pada waktu malam.

Ironi pasangan selebriti ini pernah membatalkan pernikahan mereka pada 18 Ogos 2023 tetapi jodoh yang panjang membuatkan mereka bersatu sebagai suami isteri. Dan keputusan menikah seminggu lalu kata Mimi: "Kami ambil keputusan menikah sebab mahu berpuasa bersama (sebagai suami isteri."




Siti Saleha - Joshua Fitton

Pelakon Siti Saleha juga melangsungkan perkahwinan dengan sederhana dan jauh daripada pengetahuan umum bersama Joshua Fitton pada 15 Februari 2025.

Majlis akad nikah Siti Saleha dengan pereka busana tersebut berlangsung secara tertutup di sebuah resort mewah di Janda Baik, Bentong, Pahang.

Siti Saleha menerima mas kahwin sebanyak RM1,000 dan paling memberi makna apa busana pernikahannya dihasilkan sendiri oleh suami dari jenama Atelier FITTON.

Ini merupakan perkahwinan kedua Siti Saleha selepas bercerai dengan Ahmad Lutfi Azhar pada tahun 2022.



Fikry Ibrahim - Khalizah Alihan

Tanpa angin atau ribut, pelakon dan pengacara Fikry Ibrahim, 31, selamat melangsungkan perkahwinan dengan wanita pilihan, Khalizah Alihan, 37, pada 12 Februari 2025.

Pasangan tersebut melangsungkan pernikahan secara sederhana di sebuah masjid di Jitra, Kedah.

Fikry memaklumkan isterinya yang berasal daripada Sarawak kini menetap di Kedah dan membantu menjaga ibunya yang kurang sihat. - MALIAH SURIP

5 Fakta Busana AJL39 Nadeera Zaini, Faizul Surani Kata ‘Tiada Tajaan Percuma’!

Busana Nadeera Zaini di Anugerah Juara Lagu ke-39 (AJL39) bukan sekadar fesyen biasa, malah mencetuskan fenomena tersendiri! Direka oleh Faizul Surani dari rumah fesyen tersohor Rizalman, busana ini berubah dalam tiga transisi dan menjadi antara paling diperkatakan di AJL39.

Nak tahu kisah di sebalik pembikinan gaun ikonik ini? Jom baca!

1. Faizul tak sangka Nadeera pilih dia

Faizul terkejut apabila Nadeera sendiri yang meminta dia mereka busana AJL39.

"Sejujurnya, saya tak sangka Nadeera sendiri datang kepada saya dan bertanya sama ada saya sudi untuk menyiapkan busana AJL39 untuknya."

2. Jenama Rizalman tidak taja

Faizul menegaskan bahawa jenama Rizalman tidak menaja mana-mana artis secara percuma, dan Nadeera membeli sendiri busana tersebut.

"Mungkin pihak pengurusan dia dah faham yang jenama kami tak menaja mana-mana artis. Sebab itu mereka jejakkan kaki ke butik Rizalman.

"Kalau pujian terhadap busana itu melambung tinggi, mungkin harga pun boleh naik," katanya berseloroh.

3. Rekaan selari konsep persembahan

Konsep busana dihasilkan bersama pihak pengurusan lagu supaya selari dengan tema persembahan.

"Bila berbincang, saya cakap boleh buat, tapi kena ada backup plan kalau apa yang dirancang tak menjadi."

4. Hanya sebulan setengah, tapi berjaya ‘deliver’!

Proses menyiapkan busana ini hanya mengambil masa sebulan setengah.

"Keseluruhan proses mengambil masa lebih kurang sebulan setengah, dan sejujurnya ia agak rushing."

5. Puji sikap profesional Nadeera

Menurut Faizul, Nadeera sangat mudah bekerjasama dan memahami konsep fesyen dengan baik.

"Kalau mereka bagi konsep yang dimahukan dan lagu yang bakal dipersembahkan, insya-Allah saya boleh buat yang terbaik."

Walaupun AJL39 sudah berlalu, gaun dan layah dramatik Nadeera terus diperkatakan! Terbukti rekaan Faizul berjaya meninggalkan impak besar.

- AINUN SYAHIRAH

Adibusana Ikonik Rekaan Rumah Fesyen Rizalman Ibrahim

Dunia fesyen selebriti sentiasa mencuri perhatian, terutama apabila busana yang digayakan di acara berprestij menjadi simbol kemewahan, keanggunan dan inovasi rekaan.

Dari pentas AJL39 hingga ke majlis perkahwinan dan anugerah korporat, beberapa busana bukan sahaja mencipta momen indah tetapi juga mencetuskan trend dalam dunia fesyen tempatan.

Berikut adalah 5 busana selebriti yang paling ikonik dan terus menjadi bualan ramai!

1. Marsha Milan

Marsha Milan memukau di AJL39 dengan gaun hitam berpotongan klasik, rekaan Faizul Surani untuk RI Haute Couture sambil menyampaikan lagu Hening Rindu, yang membawanya meraih gelaran juara.

2. Haliza Maysuri

Pengasas Bawal Exclusive, Haliza Maysuri, tampil dalam gaun maroon RM250,000 rekaan Rizalman Couture, dihiasi 83,900 kristal Swarovski dan dilengkapi mahkota serta kasut, sempena ulang tahun ke-25 jenamanya.

3. Izara Aishah

Pada majlis pernikahan Izara Aishah dan Adib Khalid, Datuk Rizalman Ibrahim mereka kerudung khas untuk pengantin. Ramai yang menghargai elemen klasik dan keunikian kerudung tersebut, menyamakannya dengan tradisi perkahwinan Melayu dan India.

4. Norhaili Ahmad

Busana putih eksklusif yang direka untuk jutawan Norhaili Ahmad Mokhtar yang sedang hamil tujuh bulan pernah mencuri tumpuan. Busana itu siap dalam 96 jam.

5. Dayang Nurfaizah

Bersahabat lebih dua dekad, tiada kata-kata dapat menggambarkan simbiosis antara Dayang Nurfaizah dan jenama fesyen Rizalman Ibrahim. Setiap helaian yang disarung Dayang sempurna dalam apa saja acara.

- AMRI HASSAN



GEMPAK SINEMA




Pengarah: Hanung Bramantyo

Pelakon: Refal Hady, Mira Filzah, Carissa Perusset, Meriam Bellina, Dewi Irawan

Genre: Drama, Romantik

Mengisahkan Daku Ramala, penulis idealis yang sukar menemukan cinta sejati. Desakan keluarga untuk berkahwin dan perpisahan dengan Nadya selepas lima tahun bercinta membuatnya meragui makna cinta. Tugasannya menulis sebuah cerita membawanya pada refleksi mendalam, menyedarkan bahawa cinta bukan soal waktu yang tepat, tetapi kesediaan hati untuk menerimanya. Mampukah Daku akhirnya menemui cinta sejati?



Pengarah: Ashwath Marimuthu

Pelakon: Pradeep Ranganathan, Gautham Vasudev Menon, Anupama Parameswaran

Genre: Komedi, Drama, Romantik

Bagi peminat filem Love Today, ini adalah filem yang wajib tonton! Dragon mengisahkan seorang pemuda yang terjerumus dalam dunia penipuan kewangan selepas putus cinta. Sarat dengan komedi dan aksi, filem ini dijangka menarik minat golongan muda yang menyukai filem ringan tetapi penuh mesej!



Pengarah: Bambang Drrias

Pelakon: Gisellma Firmansyah, Nita Gunawan, Abun Sungkar, Jajang C Noer, Iwa K, Wavi Zihan

Genre: Seram

Mengisahkan Sarah seorang pelajar pesantren yaitum piatu yang kembali ke kampung asalnya di Wonoenggal untuk menyelidik asal usul keluarga. Namun, kepulangan Sarah ke kampung itu membawa ketegangan apabila muncul kuntulanak (pontianak) bersama bayi yang dipercayai jelmaan ibunya, Saraswati. Wanita itu meninggal dunia ketika melahirkan anak kembar dan rohnya tidak aman berikutnya dikhianati penduduk kampung yang bersikap jahat terhadapnya dan keluarga.

Barisan Artis Ternama Bakal Gegarkan Pentas GMWA2024

Gempak Most Wanted Awards 2024 (GMWA2024) bakal menyaksikan persembahan hebat daripada barisan artis ternama seperti Datuk Sheila Majid, Hujan, Diskoria, Nadeera Zaini, Mimifly dan Amir Masdi.

Anugerah berprestij yang mengiktiraf selebriti serta pempengaruh popular tanah air ini akan berlangsung secara langsung pada Ahad, 23 Februari di Auditorium MBSA, Shah Alam.

Selain itu, peminat juga boleh menantikan persembahan memukau daripada Ernie Zakri, Hael Husaini, Ara Johari, Insomniacks, Naki dan Zizan Razak. Manakala, acara Live+ akan dikemudikan oleh Isha Norsham, Shasha Nadeera dan Syazwan Razak.

GMWA2024 akan mengiktiraf 12 kategori utama:

- Digital Creator (Lifestyle) Tergempak 2024
- Digital Creator (Foodie) Tergempak 2024
- Digital Creator (Beauty & Fashion) Tergempak 2024
- Digital Creator (e-Sports) Tergempak 2024
- Digital Creator (Entertainment) Tergempak 2024
- Digital Creator (Motivation & Education) Tergempak 2024
- Selebriti Tergempak 2024
- Program Digital Tergempak 2024
- Lagu/Audio Tergempak 2024
- Drama Tergempak 2024
- Video Muzik Tergempak 2024
- Wira WONDA Keluarga Man of The Year

Antara calon Top 5 yang bakal merebut gelaran juara bagi setiap kategori termasuk Anna Jobling, Meerqueen, Amir Ahnaf, Scha Elinnea, Dolla, Aina Abdul, Janna Nick, Agy, Sofea Shra, Kasih Iris Leona, Che Sayang Kitchen, Khairul Aming, Amin Abid dan ramai lagi.

GMWA2024 akan dikendalikan oleh trio pengacara Sherry Alhadad, Sean Lee dan Amelia Henderson. Saksikan acara penuh glamor ini secara langsung di Astro Ria serta penstriman menerusi Astro Go dan sooka.





'Assalamualaikum RaRa 2025' Tarik 10,000 Pengunjung Di Tiga Negeri

Astro menyambut Ramadan dengan 'Assalamualaikum RaRa 2025', berlangsung di Negeri Sembilan, Kedah & Kelantan dari 1 hingga 14 Februari. Bertemakan 'Meriah Lain Macam', acara ini menghimpunkan selebriti, personaliti radio & komuniti setempat.

- ◆ Negeri Sembilan - Persembahan Mawi & UNIC, dimeriahkan Zizan Razak, Sherry Alhadad & Meerqueen
- ◆ Kedah - 8,000 pengunjung, rakaman 'Tazkirah Malam Jumaat', persembahan Putera Muhammad & Rabbani
- ◆ Kelantan - 'Battle KAFA: Geng D.U.I.T Challenge', kehadiran Zizan Razak, Qasrina Karim & Fairuz Selamat

Astro Kasih turut mengagihkan 300 paket makanan & 300 beg sekolah kepada golongan memerlukan.

Pelanggan Astro One berpeluang menang hadiah RM200,000 melalui kempen 'Langgan & Menang Macam-Macam' hingga 26 April.

Konflik Keluarga & Harta Pusaka 'Dendam Seorang Madu'

Astro bawakan 'Dendam Seorang Madu', drama konflik keluarga mengenai poligami & perebutan harta pusaka, bermula 3 Mac 2025, Isnin-Jumaat, 6 petang di Astro Prima (105).

Arahan Riza Baharuddin, terbitan MIG Production, dibintangi Hannah Delisha, Redza Rosli, Sweet Qismina & Emelda Rosemila. OST 'Tipu Helah' nyanyian Hannah Delisha.

Sinopsis: Putri Rayhana dipaksa berkahwin dengan Faris Alfian demi ibunya, namun Faris sudah bernikah dengan Izara. Konflik memuncak apabila ibu Faris, Hanum, cuba merampas harta pusaka Rayhana.

Saksikan di Astro Prima, On Demand, Astro GO & sooka. Langgani Astro One untuk pengalaman terbaik.





Maroon 5 Gegar KL, Peminat Setia Berhujan

Ribuan peminat menghadiri Konsert Siri Jelajah Maroon 5 Asia 2025 di Kuala Lumpur meskipun hujan lebat.

Band yang dianggotai Adam Levine, Jesse Carmichael, James Valentine, Matt Flynn, PJ Morton dan Sam Farrar menghiburkan penonton dengan lagu-lagu popular seperti "Payphone", "One More Night", "Girls Like You", "This Love", dan "Move Like Jagger".

Konsert turut dimeriahkan dengan persembahan pembukaan oleh kumpulan Culture Wars. Sebelum ini, Maroon 5 telah mengadakan konsert di Manila, Jakarta, Bangkok, dan Tokyo, dan dijadualkan ke Kaohsiung selepas Kuala Lumpur.

Rindu Terubat! Running Man Gamatkan Malaysia



Selepas tujuh tahun, bintang-bintang Running Man kembali menghiburkan lebih 5,000 peminat di MIECC, The Mines, Seri Kembangan, Selangor.

Anggota seperti Yoo Jae-suk, Ha Dong-hoon (Haha), Jee Seok-jin, Kim Jong-kook, Song Ji-hyo, dan Yang Se-chan memulakan acara dengan menyanyikan lagu "Spring Day" oleh BTS.

Mereka juga mempersembahkan lagu-lagu lain seperti "APT", "Bam Yang Gang", dan "All of Me", serta melibatkan peminat dalam permainan di atas pentas.

Acara dua jam itu diakhiri dengan ucapan penghargaan daripada Yoo Jae-suk, mewakili rakan-rakannya, yang berterima kasih kepada peminat atas sokongan berterusan dan berharap dapat kembali ke Malaysia pada masa akan datang.



Financial Faiz

@financialfaiz



Kenapa Kredit Kad Tak Lulus? Empat Sebab Yang Anda Perlu Tahu

Ramai yang kecewa apabila permohonan kad kredit mereka tidak lulus, walaupun merasakan sudah memenuhi syarat yang ditetapkan. Menurut Pendidik Kewangan, Faiz Azmi, terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan permohonan kad kredit ditolak oleh pihak bank:

1. Pendapatan Tidak Mencukupi

Setiap bank mempunyai syarat kelayakan tersendiri yang mungkin lebih tinggi daripada minimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Sekiranya permohonan anda ditolak atas faktor pendapatan, kemungkinan besar syarat minimum bank tersebut lebih tinggi daripada apa yang anda jangkakan.

2. Rekod CCRIS & CTOS Yang Buruk

Semasa permohonan, bank akan memeriksa gaji anda melalui sistem EPF dan menilai rekod CCRIS serta CTOS untuk melihat sejauh mana anda seorang peminjam yang bertanggungjawab.

3. Komitmen Kewangan Yang Tinggi


Pendapatan tinggi tidak menjamin kelulusan kad kredit jika komitmen kewangan juga tinggi. Bank menilai Debt Service Ratio (DSR) untuk mengukur beban hutang berbanding pendapatan. Jika hutang terlalu tinggi, permohonan boleh ditolak walaupun bayaran dibuat tepat waktu.

4. Rekod Kredit Terlalu 'Bersih'

Tanpa rekod pinjaman, bank sukar menilai kebolehan anda mengurus hutang. Kad kredit pledging boleh menjadi penyelesaian.

"Kalau korang tak ada hutang pun, bank boleh reject sebab rekod CCRIS terlalu clean. Bank sukar untuk menilai sama ada anda mampu menguruskan hutang atau tidak. Cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggunakan kad kredit jenis pledging."

Bank tidak wajib menjelaskan sebab penolakan, jadi perbaiki rekod kewangan sebelum memohon semula. Untuk meningkatkan kelayakan, bina sejarah kredit melalui pinjaman kecil atau kad kredit secured.






Penang To KL, This Mom Flies To Work Daily!

A Malaysian mother of two, Racheal Kaur, takes a flight from Penang to Kuala Lumpur every weekday for work.

As an assistant manager at AirAsia, she prefers commuting by plane instead of renting in KL, which surprisingly saves her money.

Her day starts at 4:00 am, and she catches a 5:55 am flight, reaching the office by 7:45 am. After work, she flies back home, arriving by 8:00 pm.

Despite the long journey, Racheal enjoys her flights as personal time and values being with her children daily. Her employer supports her decision, allowing her to balance work and family life.




Old ISKL, New Hotspot!

The old International School of Kuala Lumpur (ISKL) campus in Ampang is now The Campus Ampang, a new hangout spot with eateries like Chunky Cookies, Jibby Chow, Taffy Gelato, and Niko Neko Matcha.

It also has a Qra grocery store, paddle ball and pickleball courts, an auditorium, and a swimming pool for classes.

Open daily from 10 am to 10 pm, it's a great place to eat, shop, and chill. Meanwhile, ISKL has moved to Ampang Hilir.



Brother's Love Knows No Bounds

Every Thaipusam, Suresh Vanaz, a 46-year-old from Singapore, carries his disabled brother, Gunaseelan, up the steps of Batu Caves as an act of devotion. Gunaseelan has cerebral palsy, and Suresh ensures he can take part in the celebration.

This year, they couldn't travel to Batu Caves but still celebrated in Singapore. Suresh also hopes to fulfill his brother's dream of traveling the world, giving him meaningful experiences despite the challenges.

Read more at www.rojakdaily.com.